

Buku rakam sejarah silat di S'pura dilancar

SOROT SEJARAH

SILAT: Buku bertajuk 'Silat Seni Gayong PASAK Singapura: A Historical Legacy' dilancarkan Cik Halimah Yacob baru-baru ini. Beliau bersama penulis buku, Dr Mohamed Effendy Abdul Hamid (kanan); dan Ketua Guru Silat Seni Gayong PASAK Singapura, Encik Mohamed Rahim Hussain. – Foto PASAK



► **NUR ADILAH MAHBOB**
adilaham@sph.com.sg

SEBUAH buku yang merakam sejarah silat seni gayong di Singapura sejak ia diasaskan di Pulau Sudong di sini sewaktu zaman penjajahan Jepun telah dilancarkan baru-baru ini.

Buku bertajuk *Silat Seni Gayong PASAK Singapura: A Historical Legacy* (Silat Seni Gayong PASAK Singapura: Satu Warisan Sejarah) itu merupakan yang pertama mengenai sejarah silat di Singapura.

Ditulis ahli sejarah daripada Universiti Nasional Singapura (NUS), Dr Mohamed Effendy Abdul Hamid, buku itu dilancarkan Persatuan Silat Seni Gayong (Pasak) Singapura.

Sebelum ini, persatuan itu dikenali sebagai Perkumpulan Anak-Anak Sandiwara Angkatan Kesenian (Pasak).

Buku itu menyusuri sejarah silat seni gayong yang diasaskan oleh Datuk Meor Abdul Rahman di Pulau Sudong di selatan Singapura pada 1942.

Seni tersebut diajar secara terbuka di pulau itu apabila penduduk pada waktu itu ingin belajar mempertahankan diri daripada pihak Jepun.

Ia kemudian disebarikan ke tanah besar Singapura, Malaysia dan tempat lain.

Pada 1963 Persatuan Silat Seni Gayong (Pasak) Singapura diasaskan secara rasmi, menjadikannya antara perguruan silat terdaftar paling tua di Singapura.

Sejarah persatuan itu turut disorot dalam buku tersebut, yang dihasilkan dengan sokongan Lembaga Warisan Negara (NHB) dan Taman Warisan Melayu.

Majlis pelancaran buku itu diadakan di Taman Warisan Melayu pada 26 Mac lalu.

Speaker Parlimen, Cik Halimah Yacob, yang juga penaung persatuan itu, telah menghadiri majlis tersebut.

Semasa berucap di acara itu, beliau berkata seni silat mencerminkan sifat murni seperti disiplin, tatatertib, hormat dan semangat pahlawan yang tidak kenal erti kalah.

"Sifat-sifat ini masih boleh digunakan hari ini, bukan sahaja di medan pertarungan, bahkan secara harian," ujarnya.

Dalam kata-kata pengantar buku itu pula, Cik Halimah berkata kemajuan persatuan silat itu mencerminkan pembangunan masyarakat Melayu di Singapura.

"Saya menggalakkan orang ramai agar membaca buku ini untuk mempunyai pemahaman lebih bernuansa mengenai sejarah negara kita," tulis Cik Halimah.

Buku itu ditulis dalam bahasa Inggeris untuk meluaskan pendekatannya kepada pembaca di dalam dan di luar rantau ini.

"Kami berharap dengan menerbitkan buku ini, warga Singapura daripada semua kaum boleh memahami satu ciri unik kisah Singapura, dan lebih penting daripada itu, menghargai sejarah seni mempertahankan diri yang dilahirkan di Singapura dan berasal dari sebuah pulau selatan Singapura," kata persatuan itu.

Buku ini boleh didapati di kedai Haji Hashim di Joo Chiat Complex dan di Apkim Resources di 134 Arab Street, atau melalui tempahan menerusi e-mel di admin@gayong-pasak.org.sg.